



جیاتن کهکیم شرعیة ملیسیا  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (28)  
Takwim : 3 Sya'ban 1424H  
Tarikh : 29 September 2003

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah- mahkamah Syariah Negeri-negeri

**Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003**

**Penggunaan Lafaz Sumpah Istizhar**  
**Dalam Kes Mal**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 1 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-25 Jamadilakhir 1424H di Shah Alam Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan penggunaan sumpah istizhar dalam kes Mal dengan ketidakhadiran Defendan dan Mahkamah setelah mendengar semua keterangan dan hujah Plaintiff dan untuk mengelakkan tohmah maka Mahkamah hendaklah sebelum membuat keputusan bagi Plaintiff memerlukan Plaintiff mengangkat Sumpah Istizhar.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November, 2003.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)  
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA  
2003

## **Sumpah Istizhar**

### **ARAHAN AMALAN NO.1 TAHUN 2003**

#### **A. Contoh Lafaz Sumpah Istizhar untuk Taklik Gagal Nafkah**

1. Istighfar 3x
2. Syahadah
3. Basmalah
4. “WallahilAzim, wabillahi, watallahi, demi Allah aku (*Nama Plaintiff*) bersumpah dengan nama Allah bahwasanya suami aku (*Nama Defendant*) semenjak dari (*tarikh gagal beri nafkah*) sampai hari ini telah tidak memberikan nafkah sara hidup kepadaku dan aku telah taat penuh kepadanya serta tiada nusyuz dan dua orang saksi bagi pihakku adalah orang benar dan benar apa-apa keterangan mereka dan keteranganku dalam Mahkamah ini dan jika dusta aku pada sumpah aku nescaya dimurkai Allah dan lakanatnya di atas aku dunia dan akhirat.”

#### **B. Contoh Deraf Lafaz Sumpah Istizhar Untuk Taklik Tinggal**

1. Istighfar 3x
2. Syahadah
3. Basmalah
4. “WallahilAzim, wabillahi, watallahi, demi Allah aku (*Nama Plaintiff*) bersumpah dengan nama Allah bahwasanya suami aku (*Nama Defendant*) semenjak daripada (*tarikh tinggal*) sehingga (*tarikh/tempoh*) telah meninggalkan aku dan aku telah taat kepadanya serta tiada nusyuz dan keteranganku dalam Mahkamah ini adalah benar.”

#### **C. Contoh Deraf Lafaz Sumpah Istizhar Untuk Taklik Pukul /Dera**

1. Istighfar 3x
2. Syahadah
3. Basmalah
4. “WallahilAzim, wabillahi, watallahi, demi Allah aku (*Nama Plaintiff*) bersumpah dengan nama Allah bahwasanya suami aku (*Nama Defendant*) semenjak daripada (*tarikh dipukul*) sehingga (*tarikh/tempoh*) telah menyakiti tubuh badanku dengan cara (*jenis penderaan*) tanpa apa-apa sebab yang munasabah dan aku telah taat penuh kepadanya serta tiada nusyuz dan keteranganku dalam Mahkamah ini adalah benar.”

#### **D. Contoh Deraf Lafaz Sumpah Istizhar Untuk Fasakh**

1. Istighfar 3x
2. Syahadah
3. Basmalah
4. “WallahilAzim, wabillahi, watallahi, demi Allah aku (*Nama Plaintiff*) bersumpah dengan nama Allah bahwasanya suami aku (*Nama Defendant*) semenjak daripada (*tarikh aniaya*) sehingga (*tarikh/tempoh*) telah menganiayaai aku dengan cara (*jenis penganiayaan*) tanpa sebab yang munasabah dan aku telah taat kepadanya serta tiada nusyuz dan keteranganku dalam Mahkamah ini adalah benar.”

#### **E. Contoh Lafaz Sumpah Istizhar Dalam Lain-lain Kes Mal**

1. Istighfar 3x
2. Syahadah
3. Basmalah
4. “WallahilAzim, wabillahi, watallahi, demi Allah aku (*Nama Plaintiff / Defendant*) bersumpah bahwasanya (*sebut fakta-fakta perlu bagi membuktikan kes*) dan keteranganku dalam Mahkamah ini adalah benar.”